

Bakal beri manfaat kepada 553,000 pengguna setiap hari

MRT SSP Line siap 2022

SERDANG – Projek prasarana terbesar, My Rapid Transit (MRT) bagi laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP Line) bakal memberi manfaat kepada kira-kira 553,000 pengguna setiap hari di jajaran tersebut apabila ia siap pada tahun 2022.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Datuk Najmuddin Abdul-



NAJMUDDIN

lah berkata, laluan sejauh 52.2 kilometer (km) itu akan melalui 37 buah stesen dengan 11 daripadanya merupakan stesen bawah tanah.

Selain itu, katanya, terdapat 9,200 ruang tempat letak kereta disediakan di 17 buah lokasi bagi memudahkan orang ramai meletakkan kenderaan seterusnya menggunakan perkhidmatan MRT ke tempat kerja atau urusan lain.

“Masalah kesesakan lalu lintas terutama di Serdang dan Seri Kembangan juga dijangka dapat diatasi apabila projek ini siap pada Julai 2022 kelak. “Sebanyak 176,000 buah kenderaan dapat dikurangkan setiap hari di Serdang dan Seri Kembangan apabila projek MRT SSP Line ini siap seterusnya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan ini,” katanya dalam taklimat me-

dia berkenaan perkembangan projek MRT SSP Line di Seri Kembangan di sini baru-baru ini.

Projek pembinaan SSP Line bermula pada Jun lalu dan MRT Corp. telah melakukan soal selidik dan mendapati 90 peratus daripada 10,000 responden bersetuju projek MRT SSP Line dilaksanakan.

Sementara itu, Najmuddin memberitahu, pihaknya pada masa ini masih dalam proses rundingan pemilikan tanah bagi sepanjang jajaran tersebut.

“Secara dasarnya, 80 peratus tanah untuk projek tersebut adalah tanah kerajaan dan bagi tanah swasta pula, ia akan diperoleh melalui proses persetujuan bersama dan pengambilan tanah,” katanya.



NAJMUDDIN (depan) menunjukkan peta laluan projek MRT SSP Line di Pusat Transformasi MRT Seri Kembangan, Kuala Lumpur baru-baru ini.